



MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA

**KOMITMEN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA BERJAYA MENGURANGKAN
KADAR PENGANGGURAN NEGARA**

1. Bilangan penganggur pada suku tahun pertama 2023 terus berkurang daripada **3.6 peratus**, 599,600 pada suku tahun keempat 2022 kepada **3.5 peratus**, 588.7 ribu orang pada suku tahun pertama 2023. Kadar pengangguran antara negeri juga menurun yang selari dengan penurunan kadar pengangguran nasional. Bagi suku pertama 2023, **Wilayah Persekutuan Putrajaya** mencatatkan kadar pengangguran terendah iaitu sebanyak **0.8 peratus**, diikuti Perlis (2.1%), Pulau Pinang (2.3%) dan Negeri Sembilan (2.5%). Ekonomi negara kekal kukuh dan stabil pada suku pertama 2023 dengan pertumbuhan KDNK sebanyak **5.6 peratus**.
2. Kejayaan ini adalah atas kerjasama strategik dengan pelbagai kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KSM adalah menerusi Perkeso, Talentcorp, HRDC dan Jabatan Pembangunan Kemahiran. Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh KSM bersama agensi-agensi adalah menyediakan Portal pekerjaan MyFutureJobs untuk membantu pencari kerja mendapat peluang pekerjaan. Portal www.myfuturejobs.gov.my merupakan sebuah platform secara maya dan terkini bagi membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran dan kompetensi, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan. Seramai **793,086 orang pencari kerja** berjaya ditempatkan ke alam pekerjaan sehingga April 2023.
3. Dalam merencanakan penawaran pekerjaan majikan kepada pencari kerja, Perkeso melaksanakan program-program temuduga di semua Pejabat Perkeso Negeri secara harian dan mingguan serta melaksanakan Karnival Pekerjaan yang berskala besar. Bagi tahun 2023, sebanyak **4,130** program disasarkan dan setakat April 2023, sebanyak 1,127 program dilaksanakan dengan jumlah seramai **5,121** orang pencari kerja berjaya mengisi kekosongan pekerjaan.
4. Di samping itu, KSM sentiasa berusaha untuk meningkat dan memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi menyokong peralihan pekerjaan masa depan dan penggunaan automasi serta mekanisasi sekali gus mengurangkan kebergantungan buruh asing. Sehubungan dengan itu, melalui Majlis TVET Negara (MTVET), pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan. Kerajaan telah

menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat swasta yang meliputi bidang-bidang latihan demi mengatasi masalah ketidakpadanan kemahiran (mismatch) dan isu pengangguran di kalangan pelajar TVET.

5. Seterusnya, melalui TalentCorp KSM juga berjaya melaksanakan program-program iaitu Program Young Employable Students (YES!). Seramai 2,407 peserta berjaya mengikuti program sehingga April 2023. KSM melalui TalentCorp mengambil inisiatif melalui **Program Kepulangan Pakar (REP)** melalui inisiatif baharu, Malaysia@Heart (MyHeart) untuk mendorong rakyat Malaysia di luar negara yang mempunyai kepakaran tinggi pulang tanah air.
6. Bagi merapatkan jurang kemahiran pula, KSM terus aktif dalam menawar dan menyediakan pelbagai program latihan semula (re-skilling), program peningkatan kemahiran (up-skilling) serta pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning) dalam membantu golongan pencari pekerja dengan kemahiran bersesuaian mengikut pasaran buruh semasa. Pelbagai program dilaksanakan secara berterusan di pelbagai peringkat dan golongan sasaran dengan tujuan mengecilkan jurang kemahiran pekerjaan melalui Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian ini.
7. Sehubungan dengan itu, KSM menerusi HRD Corp menubuhkan Placement Centre melalui portal <https://hpc.hrdcorp.gov.my/> yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. HRD Corp juga melaksanakan Program Latihan Kemahiran Digital untuk Golongan Rentan (Kendiri) dibawah agensi *Human Resource Development Corporation (HRD Corp)* dan seramai **5,465 pelatih** berjaya mengikuti kursus latihan ini.
8. Kerajaan akan terus memberi tumpuan untuk mengurangkan kadar pengangguran negara dan meningkatkan kemahiran pekerja di negara ini. Justeru, dibawah **Bajet 2023** KSM terus diberi mandat untuk melaksanakan inisiatif Program Pasaran Buruh Aktif yang telah dilancarkan pada 1 Mei iaitu;
 - i. **Program Transisi Pekerjaan Untuk Perantis TVET dan Lulusan Sekolah atau Kerjaya TVET yang menyediakan bayaran insentif sebanyak RM 600 sebulan untuk tempoh tiga (3) bulan kepada majikan yang menggajikan graduan Teknikal dan Vokasional (TVET);**
 - ii. **Program Bina Kerjaya Pekerja Informal Gig Riders yang menyediakan elaun RM 300 sebulan bagi tempoh 3 bulan kepada pekerja Gig yang aktif menjalani latihan kemahiran untuk mendapat pekerjaan stabil dalam sektor formal; dan seterusnya**

- iii. **Pelanjutan Insentif Penggajian Secara Bersasar menerusi Program Daya Kerjaya yang membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar daripada kalangan belia yang lama menganggur dan golongan rentan seperti orang asli, wanita, orang kurang upaya (OKU), miskin tegar, individu diparol, bekas banduan dan sebagainya. Majikan yang berjaya melaksanakan pengambilan pekerja baru di bawah kategori ini layak mendapat sehingga RM 1, 800 bagi setiap individu.**
 - iv. **Program peningkatan kemahiran bagi Perantis TVET dan pelajar lepasan sekolah.**
8. KSM selaku peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara terus mendokong aspirasi Malaysia Madani dan meneruskan inisiatif sedia ada bagi memastikan peluang pekerjaan sentiasa tersedia selain meningkatkan kebolehpasaran di setiap peringkat.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
20 MEI 2023**